

D.R. 3/2004

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2004.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

Pindaan seksyen 4

2. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam perenggan 4(2)(b) dengan memotong perkataan "atau akan memberikan".

Pindaan seksyen 6

3. Seksyen 6 Akta ibu dipinda dengan menggantikan takrif "pemberi kemudahan rangkaian" dengan takrif yang berikut:

' "pemberi kemudahan rangkaian" ertinya seseorang yang mempunyai atau yang memberikan apa-apa kemudahan rangkaian;'

Pindaan seksyen 16

4. Subseksyen 16(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "bagi kesalahan sedemikian" perkataan "dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh menetapkan, sebagai tambahan kepada penalti itu, denda satu ribu ringgit bagi tiap-tiap had atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas pensabitan".

Seksyen baru 23A

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 23 seksyen yang berikut:

"Penguatkuasaan keputusan Tribunal Rayuan

23A. Apa-apa keputusan yang diberikan oleh Tribunal Rayuan boleh dikuatkuasakan mengikut cara yang sama seperti penghakiman atau perintah Mahkamah Tinggi."

Pindaan seksyen 24

6. Seksyen 24 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan "menentukan, mengikut seksyen 10, dan'".

Seksyen baru 24A

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 24 seksyen yang berikut:

"Kuasa Tribunal Rayuan

24A. Tribunal Rayuan hendaklah mempunyai kuasa—

(a) untuk memanggil pihak-pihak kepada presiding itu atau mana-mana orang lain supaya hadir di hadapannya

untuk memberikan keterangan berkenaan dengan sesuatu rayuan;

- (b) untuk mendapatkan dan menerima keterangan dengan sumpah atau ikrar, sama ada secara bertulis atau lisan, dan memeriksa semua orang sebagai saksi sebagaimana yang difikirkan oleh Tribunal Rayuan perlu untuk didapatkan, diterima atau diperiksa;
- (c) apabila seseorang dipanggil sedemikian, untuk raenghendaki pengemukaan apa-apa buku, kertas, dokumen, rekod atau benda lain dalam milikannya atau di bawah kawalannya dan yang difikirkan perlu oleh Tribunal Rayuan bagi maksud rayuan itu;
- (d) untuk mengendalikan apa-apa sumpah, ikrar atau akuan berkanun, mengikut kehendak keadaan;
- (e) apabila seseorang dipanggil sedemikian, untuk membenarkan bayaran bagi apa-apa perbelanjaan yang munasabah yang dilakukan berkaitan dengan kehadirannya;
- (f) sebagai mahkamah rendah berkenaan dengan penguatkuasaan kehadiran saksi-saksi, pendengaran keterangan dengan sumpah atau ikrar dan menjatuhkan hukuman bagi penghinaan;
- (g) untuk menerima keterangan atau menolak keterangan yang dikemukakan, sama ada secara lisan atau dokumen, dan sama ada boleh diterima atau tidak boleh diterima di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa berhubung dengan kebolehterimaan keterangan;
- (h) untuk menanggungkan pendengaran rayuan dari semasa ke semasa, termasuklah kuasa untuk membuat penangguhan bagi mempertimbangkan keputusannya; dan
- (i) untuk secara amnya mengarahkan dan melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat supaya keputusan rayuan itu dapat dibuat dengan cekap dan cepat."

Seksyen baru 26A, 26B, 26C, 26D dan 26E

8. Akta ibu dipindadengan memasukkan selepas seksyen 26 seksyen yang berikut:

"Setiausaha Tribunal Rayuan dan pegawai lain

26A. (1) Menteri hendaklah menamakan seorang pegawai awam sebagai Setiausaha Tribunal Rayuan bagi membantu Tribunal Rayuan dalam menjalankan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Menteri boleh menamakan apa-apa bilangan pegawai awam lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri untuk membantu Setiausaha dalam menjalankan fungsinya di bawah subseksyen (1).

(3) Bagi maksud Akta ini, Setiausaha dan pegawai yang dinamakan di bawah subseksyen (2) hendaklah disifatkan sebagai pegawai Tribunal Rayuan.

Kewajipan kerahsiaan

26B. (1) Kecuali bagi Bahagian ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau jika dibenarkan oleh Menteri —

(a) Pengerusi, anggota Tribunal Rayuan atau mana-mana pegawai Tribunal Rayuan tidak boleh, semasa dia berkhidmat sebagai Pengerusi, anggota atau pegawai sedemikian, mendedahkan apa-apa maklumat yang diperolehinya semasa menjalankan tugasnya; dan

(b) tiada seorang pun orang lain yang, melalui apa-apa cara, mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen berhubung dengan hal ehwal Tribunal Rayuan boleh mendedahkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

Pekhidmat awam dan pegawai awam

26c. Pengerusi dan semua anggota dan pegawai Tribunal Rayuan, semasa menunaikan kewajipan mereka sebagai Pengerusi dan anggota dan pegawai sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574], dan menjadi pegawai awam bagi maksud Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

Pemakaian Akta Pelindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

26D. Akta Pelindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] adalah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Tribunal Rayuan, Pengerusi atau mana-mana anggota atau pegawai Tribunal Rayuan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.

Tindakan atau peninggalan yang dibuat dengan suci hati

26E. Tiada tindakan atau guaman boleh dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Tribunal Rayuan;
- (b) Pengerusi atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan;
- (c) Setiausaha atau mana-mana pegawai lain Tribunal Rayuan; atau
- (d) seseorang yang diberi kuasa untuk bertindak bagi atau bagi pihak Tribunal Rayuan,

bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati dalam melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini."

Pindaan seksyen 30

9. Subseksyen 30(9) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "ditentukan" dengan perkataan "diputuskan".

Pindaan seksyen 34

10. Subseksyen 34(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "ditentukan" dengan perkataan "diputuskan".

Pindaan seksyen 36

11. Subseksyen 36(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan ", disublesenkan".

Pindaan seksyen 80

12. Seksyen 80 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Suruhanjaya tidak boleh menyiarkan apa-apa maklumat atau mana-mana bahagian daripada apa-apa maklumat yang didedahkan kepadanya sekiranya penyiaran itu akan—

- (a) mendedahkan suatu perkara yang bersifat sulit;
- (b) mungkin menjejaskan perbicaraan adil seseorang; atau
- (c) melibatkan pendedahan tidak munasabah maklumat peribadi mengenai mana-mana individu (termasuklah orang yang sudah mati),

tetapi Suruhanjaya boleh menyiarkan suatu abstrak berhubung dengan maklumat itu dengan syarat bahawa butir-butir dalam abstrak itu tidak disusun dalam apa jua cara yang akan menjejaskan atau memudaratkan pemberi maklumat itu."

Pindaan seksyen 104

13. Seksyen 104 Akta ibu dipinda dengan memasukkan perkataan "(1)" sebaik seiepas perkataan "**104.**".

Pindaan seksyen 147

14. Subseksyen 147(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "dan bahawa forum capaian itu telah dengan sebulat suara menyokong syor itu" dengan perkataan "dan tidak kurang daripada sembilan per sepuluh daripada anggota forum capaian itu menyokong syor itu".

Pindaan seksyen 157

15. Subseksyen 157(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "membuat penghantaran dalam mana-mana bahagian" dengan perkataan "menggunakan mana-mana bahagian".

Pindaan seksyen 187

16. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 187 dengan seksyen yang berikut:

"Pengecualian daripada peruntukan kesalahan

187. Seseorang pemberi kemudahan rangkaian, pemberi perkhidmatan rangkaian, pemberi perkhidmatan aplikasi atau pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan yang tidak dikehendaki supaya mempunyai suatu lesen individu, dan tidak tertakluk kepada lesen kelas, di bawah Bahagian VI dan IX, disifatkan telah dikecualikan daripada peruntukan kesalahan dalam seksyen 188."

Pindaan seksyen 188

17. Seksyen 188 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "Seseorang yang memberikan apa-apa perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi" dengan perkataan "Mana-mana pemberi kemudahan rangkaian, pemberi perkhidmatan rangkaian, pemberi perkhidmatan aplikasi atau pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan"; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "Seseorang" dengan perkataan "Pemberi kemudahan rangkaian, pemberi perkhidmatan rangkaian, pemberi perkhidmatan aplikasi atau pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan".

Pindaan seksyen 193

18. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 193 dengan seksyen yang berikut:

"Arahan Menteri supaya diberikan perkhidmatan aplikasi dikehendaki

193. (1) Menteri boleh menentukan—

- (a) kelas pemberi perkhidmatan aplikasi yang hendaklah menyediakan mana-mana atau kesemua perkhidmatan aplikasi dalam senarai perkhidmatan aplikasi dikehendaki; atau
- (b) kelas pemberi perkhidmatan rangkaian yang hendaklah membolehkan penyediaan mana-mana atau kesemua perkhidmatan aplikasi dalam senarai perkhidmatan aplikasi dikehendaki.

(2) Suruhanjaya hendaklah mengarahkan —

- (a) kelas pemberi perkhidmatan aplikasi yang ditentukan di bawah perenggan (1)(a) untuk memberikan perkhidmatan aplikasi dikehendaki; dan
- (b) kelas pemberi perkhidmatan rangkaian yang ditentukan di bawah perenggan (1)(b) untuk membolehkan penyediaan perkhidmatan aplikasi dikehendaki."

Pindaan seksyen 204

19. Subseksyen 204(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Akta ini," perkataan "atau oleh mana-mana orang lain".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ("Akta 588").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda perenggan 4(2)(b) Akta 588 untuk menjelaskan bahawa pemakaian Akta 588 tidak meliputi bakal pemberi kemudahan atau perkhidmatan.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda takrif "pemberi kemudahan rangkaian" dalam seksyen 6 Akta 588 supaya selaras dengan seksyen 126 Akta itu.

5- *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 588 supaya peraturan-peraturan yang dibuat oleh Menteri boleh mengadakan peruntukan bagi penalti tambahan jika sesuatu kesalahan diteruskan selepas pensabitan.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 23A ke dalam Akta 588 untuk memudahkan penguatkuasaan keputusan Tribunal Rayuan.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 24 Akta 588 untuk mengeiuarkan kehendak penentuan oleh Menteri di bawah Bab 2 Bahagian II Akta itu berkenaan dengan tatacara Tribunal Rayuan.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 24A ke dalam Akta 588 yang menyatakan kuasa Tribunal Rayuan dalam melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta itu.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 26A, 26B, 26C, 26D dan 26E ke dalam Akta 588. Seksyen 26A yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menamakan seorang pegawai awam sebagai Setiausaha Tribunal Rayuan. Menteri juga diberi kuasa untuk menamakan pegawai awam lain untuk membantu Setiausaha. Seksyen 26B yang dicadangkan bertujuan untuk mengenakan kewajipan kerahsiaan ke atas Pengerusi, anggota dan pegawai Tribunal Rayuan. Seksyen 26c yang dicadangkan menyifatkan Pengerusi, anggota dan pegawai Tribunal Rayuan sebagai pekhidmat awam dan pegawai awam masing-masing bagi maksud Kanun Keseksaaan dan Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen 26D yang dicadangkan memperluas periindungan dalam Akta Pelindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 kepada Tribunal Rayuan, Pengerusi dan anggota dan pegawai Tribunal Rayuan berkenaan dengan apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap mereka berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan dalam melaksanakan kewajipan masing-masing di bawah Akta 588. Seksyen 26E yang dicadangkan bertujuan untuk memberikan periindungan kepada Tribunal Rayuan, Pengerusi dan pegawai Tribunal Rayuan dan orang lain yang diberi kuasa untuk bertindak bagi dan bagi pihak Tribunal Rayuan terhadap apa-apa tindakan atau guaman bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan secara suci hati.

10. *Fasal 9* dan *10* masing-masing bertujuan untuk meminda subseksyen 30(9) dan 34(2) Akta 588 supaya keputusan Menteri di bawah subseksyen itu tidak perlu melalui proses "penentuan" di bawah Bab 2 Bahagian II Akta itu.

11. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda subseksyen 36(1) Akta 588 disebabkan oleh dasar Kerajaan yang tidak membenarkan sub-lesen.

12. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 80 Akta 588 untuk melarang Suruhanjaya daripada menyiarkan maklumat tertentu.

13. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda subseksyen 147(2) Akta 588 dengan menggantikan kehendak bagi sokongan sebulat suara oieh forum capaian bagi syor yang dibuat oleh forum itu kepada sokongan oleh tidak kurang daripada sembiian per sepuih daripada anggota forum capaian itu. Pindaan ini bertujuan untuk mengatasi apa-apa kebuntuan sekiranya forum capaian tidak mendapat sokongan sebulat suara bagi syor bagi apa-apa pengeluaran dari atau kemasukan ke dalam senarai capaian.

34. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 157 Akta 588 untuk membolehkan aspek penghantaran dan penerimaan spektrum kedua-duanya diuruskan atau dilindungi daripada gangguan, dan dengan itu mewujudkan rangka kerja pengurusan spektrum yang lebih berkesan.

15. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 187 Akta 588 untuk membolehkan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan yang tidak dikehendaki supaya mempunyai lesen individu atau lesen kelas dikecualikan daripada peruntukan kesalahan dalam seksyen 188.

16. *Fasal 7 7* bertujuan untuk meminda seksyen 188 Akta 588 untuk menghendaki pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan mematuhi kewajipan mereka kepada pengguna.

17. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 193 Akta 588 untuk mengenakan kewajipan mandatori terhadap pemberi perkhidmatan aplikasi supaya memberikan perkhidmatan aplikasi dikehendaki dan juga ke atas pemberi perkhidmatan rangkaian supaya membolehkan perkhidmatan aplikasi dikehendaki disediakan oleh pemberi perkhidmatan aplikasi.

18. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda seksyen 204 Akta 588 untuk membolehkan mana-mana orang, selain pemegang lesen di bawah Akta itu, menyumbang kepada Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2325]

A BILL

intituled

An Act to amend the Communications and Multimedia Act 1998.

ENACTED by the Parliament of Malaysia as follows:

Short title and commencement

1.(1) This Act may be cited as the Communications and Multimedia (Amendment) Act 2004.

(2) This Act comes into operation on a date to be appointed by the Minister by notification in the *Gazette*, and the Minister may appoint different dates for the coming into operation of different provisions of this Act.

Amendment of section 4

2. The Communications and Multimedia Act 1998 [*Act 588*], which is referred to as the "principal Act" in this Act, is amended in paragraph 4(2)(b) by deleting the words "or will provide".

Amendment of section 6

3. Section 6 of the principal Act is amended by substituting for the definition of "network facilities provider" the following definition:

' "network facilities provider" means a person who owns or provides any network facilities;'

Amendment of section 16

4. Subsection 16(2) of the principal Act is amended by inserting after the words "for such offence" the words "and, in the case of a continuing offence, may prescribe, in addition to such penalties, a fine of one thousand ringgit for every day or part of a day during which the offence continues after conviction".

New section 23A

5. The principal Act is amended by inserting after section 23 the following section:

"Enforcement of decision of Appeal Tribunal

23A. Any decision given by the Appeal Tribunal may be enforced in the same manner as a judgement or an order of the High Court."

Amendment of section 24

6. Section 24 of the principal Act is amended by deleting the words "determine, in accordance with section 10, and".

New section 24A

7. The principal Act is amended by inserting after section 24 the following section:

"Powers of Appeal Tribunal

24A. The Appeal Tribunal shall have the power—

- (a) to summon parties to the proceedings or any other person to attend before it to give evidence in respect of an appeal;

- (b) to procure and receive evidence on oath or affirmation, whether written or oral, and examine all such persons as witnesses as the Appeal Tribunal thinks necessary to procure, receive or examine;
- (c) where a person is so summoned, to require the production of any book, paper, document, record or other thing in his possession or under his control and which the Appeal Tribunal may consider necessary for the purposes of the appeal;
- (d) to administer any oath, affirmation or statutory declaration, as the case may require;
- (e) where a person is so summoned, to allow the payment for any reasonable expenses incurred in connection with his attendance;
- (f) of a subordinate court with regard to the enforcement of attendance of witnesses, hearing evidence on oath or affirmation and punishment for contempt;
- (g) to admit evidence or reject evidence adduced, whether oral or documentary, and whether admissible or inadmissible under the provisions of any written law for the time being in force relating to the admissibility of evidence;
- (h) to adjourn the hearing of an appeal from time to time, including the power to adjourn to consider its decision; and
- (i) to generally direct and do all such things as may be necessary or expedient for the expeditious decision of the appeal."

New sections 26A, 26B, 26C, 26D and 26E

8. The principal Act is amended by inserting after section 26 the following sections:

"Secretary of Appeal Tribunal and other officers

26A. (1) The Minister shall designate a public officer as a Secretary of the Appeal Tribunal to assist the Appeal Tribunal in carrying out its function under this Act.

(2) The Minister may designate such number of other public officers as the Minister thinks fit to assist the Secretary in carrying out his function under subsection (1).

(3) For the purpose of this Act, the Secretary and the officers designated under subsection (2) shall be deemed to be officers of the Appeal Tribunal.

Obligation of secrecy

26B. (1) Except for this Part or for the purposes of any civil or criminal proceedings under any written law, or where authorized by the Minister—

- (a) the Chairman, members of the Appeal Tribunal or any officer of the Appeal Tribunal shall not, during the time he serves as such Chairman, member or officer, disclose any information obtained by him in the course of his duties; and
- (b) no other person who has, by any means, access to any information or document relating to the affairs of the Appeal Tribunal shall disclose such information or document.

(2) A person who contravenes subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three months or to both.

Public servants and public officers

26c. The Chairman and all members and officers of the Appeal Tribunal, while discharging their duties as the Chairman and such members and officers, shall be deemed to be public servants within the meaning of the Penal Code [*Act 574*], and to be public officers for the purposes of the Criminal Procedure Code [*Act 593*].

Application of Public Authorities Protection Act 1948

26D. The Public Authorities Protection Act 1948 [*Act 198*] shall apply to any action, suit, prosecution or proceedings against the Appeal Tribunal, Chairman or any member or

officer of the Appeal Tribunal in respect of any act, neglect or default done or committed by him in such capacity.

Act or omission done in good faith

26E. NO action or suit shall be instituted or maintained in any court against—

- (a) the Appeal Tribunal;
- (b) the Chairman or any member of the Appeal Tribunal;
- (c) the Secretary or any other officer of the Appeal Tribunal; or
- (d) a person authorized to act for and on behalf of the Appeal Tribunal,

for any act or omission done in good faith in the performance of its or his functions and the exercise of its or his powers under this Act and any subsidiary legislation made under this Act."

Amendment of section 30

9. Subsection 30(9) of the principal Act is amended by substituting for the word "determined" the words "decided upon".

Amendment of section 34

10. Subsection 34(2) of the principal Act is amended by substituting for the word "determined" the words "decided upon".

Amendment of section 36

11. Subsection 36(1) of the principal Act is amended by deleting the words ", sub-licensed".

Amendment of section 80

12. Section 80 of the principal Act is amended by inserting after subsection (2) the following subsection:

"(3) The Commission shall not publish any information or any part of any information disclosed to it if the publication would—

- (a) disclose a matter of a confidential character;

- (b) be likely to prejudice the fair trial of a person; or
- (c) involve the unreasonable disclosure of personal information about any individual (including a deceased person),

but the Commission may publish an abstract relating to such information provided that the particulars in the abstract shall not be arranged in any way which would compromise or prejudice the person providing such information."

Amendment of section 104

13. Section 104 of the principal Act is amended by inserting the words "(1)" immediately after the words "**104.**".

Amendment of section 147

14. Subsection 147(2) of the principal Act is amended by substituting for the words "and that the access forum was unanimous in supporting the recommendation" the words "and that not less than nine-tenths of the members of the access forum support the recommendation".

Amendment of section 157

15. Subsection 157(1) of the principal Act is amended by substituting for the words "transmit in any part" the words "use any part".

Amendment of section 187

16. The principal Act is amended by substituting for section 187 the following section:

"Exemption from offence provisions

187. A network facilities provider, network service provider, applications service provider or content applications service provider who is not required to have an individual licence, and is not subject to class licence, under Part VI and IX, is deemed to have been exempted from the offence provisions of section 188."

Amendment of section 188

17. Section 188 of the principal Act is amended —

- (a) in subsection (1), by substituting for the words "A person who provides any network service or applications service" the words "Any network facilities provider, network service provider, applications service provider or content applications service provider"; and
- (b) in subsection (2), by substituting for the words "A person" the words "A network facilities provider, network service provider, applications service provider or content applications service provider".

Amendment of section 193

18. The principal Act is amended by substituting for section 193 the following section:

"Minister's direction to provide required application service

193. (1) The Minister may determine—

- (a) the classes of applications service providers who shall undertake any or all of the applications services on the list of required applications services; or
- (b) the classes of network service providers who shall enable the provision of any or all of the applications services on the list of required applications services.

(2) The Commission shall direct—

- (a) the class of applications service providers determined under paragraph (1)(a) to provide the required applications services; and
- (b) the class of network service providers determined under paragraph (1)(b) to enable the provision of the required applications services."

Amendment of section 204

19. Subsection 204(2) of the principal Act is amended by inserting after the words "this Act," the words "or by any other person".

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to amend the Communications and Multimedia Act 1998 ("Act 588").

2. *Clause 1* contains the short title and provisions on the commencement of the proposed Act.

3. *Clause 2* seeks to amend paragraph 4(2)(b) of Act 588 to clarify that the application of Act 588 does not cover prospective facilities or service providers.

4. *Clause 3* seeks to amend the definition of "network facilities provider" in section 6 of Act 588 to be in line with section 126 of the Act.

5. *Clause 4* seeks to amend section 16 of Act 588 so that regulations made by the Minister can provide for additional penalty if an offence is continued after conviction.

6. *Clause 5* seeks to introduce a new section 23A into Act 588 to facilitate the enforcement of decisions of the Appeal Tribunal.

7. *Clause 6* seeks to amend section 24 of Act 588 to remove the requirement of a determination by the Minister under Chapter 2 of Part II of the Act in respect of Appeal Tribunal procedures.

8. *Clause 7* seeks to introduce a new section 24A into Act 588 which sets out the powers of the Appeal Tribunal in performing its functions under the Act.

9. *Clause 8* seeks to introduce new sections 26A, 26B, 26C, 26D and 26E into Act 588. The proposed section 26A seeks to empower the Minister to designate a public officer as the Secretary of the Appeal Tribunal. He is also empowered to designate other public officers to assist the Secretary. The proposed section 26B seeks to impose an obligation of secrecy on the Chairman, members and officers of the Appeal Tribunal. The proposed section 26c deems the Chairman, members and officers of the Appeal Tribunal to be public servants and public officers for the purposes of the Penal Code and Criminal Procedure Code, respectively. The proposed section 26D extends the protection in the Public Authorities Protection Act 1948 to the Appeal Tribunal, the Chairman and members and officers of the Appeal Tribunal in respect of any action, suit, prosecution or proceedings against them for any act, neglect or default done or committed in carrying out their respective duties under Act 588. The proposed section 26E seeks to provide protection for the Appeal Tribunal, the Chairman, officers of the Appeal Tribunal and other persons authorized to act for and on behalf of the Appeal Tribunal against any action or suit for any act or omission done in good faith.

10. *Clauses 9 and 10* seek to amend subsections 30(9) and 34(2) of Act 588 respectively so that the Minister's decision under those subsections will not have to go through the process of "determination" under Chapter 2 of Part II of the Act.

11. *Clause 11* seeks to amend subsection 36(1) of Act 588 in view of the Government policy of not permitting sub-licensing.
12. *Clause 12* seeks to amend section 80 of Act 588 to prohibit the Commission from publishing certain information.
13. *Clause 14* seeks to amend subsection 147(2) of Act 588 by replacing the requirement for unanimous support by the access forum for a recommendation made by that forum to a support of not less than nine-tenths of the members of the access forum. The amendment is intended to remove any deadlock in the event the access forum is not unanimous in its support for the recommendation for any removal from or inclusion into the access list.
14. *Clause 15* seeks to amend section 157 of Act 588 to enable both the transmitting and receiving aspects of the spectrum to be managed or protected from interference, thus providing for a more effective spectrum management framework.
15. *Clause 16* seeks to amend section 187 of Act 588 to enable a content applications service provider who is not required to have an individual licence or class licence to be exempted from the offence provision of section 188.
16. *Clause 17* seeks to amend section 188 of Act 588 to require content applications service providers to comply with their obligations towards consumers.
17. *Clause 18* seeks to amend section 193 of Act 588 to impose a mandatory obligation on applications service providers to provide the required applications service and also on network service providers to enable the provision of the required applications services by applications service providers.
18. *Clause 19* seeks to amend section 204 of Act 588 to enable any person, other than the licensees under the Act, to contribute to the Universal Service Provision Fund.

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will involve the Government in extra financial expenditure the amount of which cannot at present be ascertained.

[PN(U²)2325]